

Headline	Sasar jualan RM800,000		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	28 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	6	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	206 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,028
Frequency	Weekly	PR Value	RM 6,085



# Sasar jualan RM800,000

**PETALING JAYA** - Kerajaan Negeri menyasarkan hasil jualan RM800,000 pada Selangor Agro Fest 2019 yang bakal diadakan di Bulatan Bazarena, Seksyen 13, Shah Alam, pada 5 hingga 8 September ini.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Ir Izhah Hashim berkata, ia didorong faktor penganjuran ekspo kali ini yang diadakan dalam skala lebih besar dengan pelbagai pengisian menarik.

"Daripada segi jualan, kita sasarkan ada peningkatan memandangkan sebelum ini mampu mencapai hasil jualan RM500,000 untuk ekspo ini.

"Penganjurannya di Shah Alam sudah tentu akan menjadi tumpuan orang ramai yang bukan sahaja dari Selangor, malahan dari negeri lain, maka kita turut meletakkan sasaran pengunjung lebih 120,000 yang juga menjadi salah satu penyumbang kepada sasaran hasil jualan," katanya pada sidang media pelancaran Selangor Agro Fest 2019, di Tapak Pasar Tani Kelana Jaya, di sini, pada 14 Ogos lalu.

Turut hadir, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Selangor, Dato' Abdul Ghaffar Ramin dan Ahli Dewan Negeri Seri Setia, Halimey Abu Bakar.

Sementara itu, Abdul Ghaffar berkata, pihaknya pula menyasarkan hasil jualan antara RM100,000 hingga RM150,000 membabitkan usahawan Selangor yang berada di bawah pengurusan FAMA.

"Sasaran ini juga merangkumi jualan bagi lima kategori produk berasaskan asas tani yang akan dibawa pada ekspo berkenaan antaranya kuih-muih, snek, barangan kosmetik dan barangan kek serta pastri berasaskan pertanian," katanya.



**Daripada segi jualan, kita sasarkan ada peningkatan memandangkan sebelum ini mampu mencapai hasil jualan RM500,000 untuk ekspo ini**

**IZHAM HASHIM**  
EXCO Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani